

WILAYAH **KU**

BIL 47 29 NOVEMBER - 5 DISEMBER 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

f akhbar wilayahku  WKTU  akhbar wilayahku  @akhbar wilayahku

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Sentuhan magis >3
Bee Ramza
jadi pilihan 



Suspek sama
pecah tabung >8
surau di Putrajaya



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kanan) berkenan menerima cenderamata daripada Khalid ketika menghadap baginda di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam baru-baru ini. - Foto ihsan Selangor Royal Office

Pembangunan bermula Jun 2020

Kerajaan mulakan langkah beli tanah di Kampung Baru sebaik mendapat 80 peratus pemilik bersetuju

KERAJAAN akan memulakan langkah membeli tanah daripada pemilik dan pewaris di Kampung Baru sebaik sahaja mendapat persetujuan daripada 80 peratus penama lot tanah yang terlibat.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, pihaknya yakin pelan pembangunan semula kampung tradisi berkenaan dapat dilaksanakan secara berperingkat mulai Jun tahun depan.

"Adalah tidak adil jika hanya seo-

rang daripada 10 waris yang tidak bersetuju, tanah itu tidak boleh dimajukan.

"Kami sarankan supaya isu waris ini diselesaikan secara baik dan kerajaan akan bantu," katanya kepada pemberita selepas sesi penerangan tawaran terbaru kerajaan kepada pemilik dan pewaris berkenaan pembangunan semula Kampung Baru di Kelab Sultan Sulaiman di sini baru-baru ini.

BERITA PENUH DI MUKA 2

Sultan Selangor mahu ciri-ciri Melayu dikekalkan

PUTRAJAYA – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) meletakkan harapan yang besar untuk menyempurnakan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mahu Kampung Baru dibangunkan dengan sebaik-baiknya di samping mengekalkan elemen dan ciri-ciri kemelayuannya.

Menterinya, Khalid Abd. Samad berkata, kementeriannya juga akan memberi perhatian khusus ke atas titah Sultan Selangor yang mahukan lokasi bersejarah di Kampung Baru seperti Masjid Jamek Kampung Baru dan Kelab Sultan Sulaiman dikekalkan dan dipulihara sepenuhnya.

Beliau berkata, langkah itu supaya lokasi bersejarah berkenaan dapat diwarisi dan diketahui generasi akan datang mengenai sejarah



SULTAN SHARAFUDDIN berkenan menerima Khalid menghadap baginda di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam baru-baru ini. Foto ihsan Selangor Royal Office

kewujudan Kampung Baru.

"Kementerian akan mengambil berat titah Sultan Selangor supaya nama Kampung Baru itu sendiri dikekalkan termasuklah nama-nama jalan yang telah diletakkan nama-nama salas-

ilah Kesultanan Selangor dan tokoh-tokoh penting yang terlibat di peringkat awal kewujudan Kampung Baru," kata beliau dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Pada Khamis, 21 November lalu, Sultan Sharafuddin

telah berkenan menerima Khalid menghadap baginda bersama-sama pegawai-pegawai KWP dan agensinya di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor.

Khalid menjelaskan, pertemuan selama hampir dua jam itu telah memberi ruang kepadanya untuk melaporkan kepada Sultan Selangor berhubung beberapa perkara berkaitan cadangan pembangunan Kampung Baru dan isu status Malay Agricultural Settlement (MAS).

Turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB), Tan Sri Ambrin Buang.

Khalid berkata, kementeriannya turut mengambil

maklum titah baginda yang menyatakan keadaan Kampung Baru ketika ini tidak lagi kondusif untuk kehidupan moden dan selesa sedangkan kawasan sekitarnya telah dibangunkan dengan pesat sekali gus menjadikan kawasan tersebut kelihatan ketinggalan.

"Saya bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan lafaz penghormatan yang tiada terperi kepada Sultan Selangor yang telah sudi melapangkan masa untuk kami menyampaikan warkah sembah maklum tersebut.

"Kementerian sememangnya mengambil maklum bahawa wujudnya sejarah yang panjang di antara Kampung Baru dan Kesultanan Selangor," katanya.

Kerajaan akan beli tanah di Kampung Baru sebaik 80 peratus penama bersetuju

Pembangunan bermula Jun 2020

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan memulakan langkah membeli tanah pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru sebaik sahaja mendapat persetujuan daripada 80 peratus penama lot tanah yang terlibat.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, pihaknya yakin pelan pembangunan semula kampung tradisi berkenaan dapat dilaksanakan secara berperingkat mulai Jun tahun depan.

"Jika kita sudah mendapat persetujuan 80 peratus penama atau waris dalam setiap lot, kerajaan akan terus membeli tanah itu.

"Adalah tidak adil jika hanya seorang daripada 10 waris yang tidak bersetuju, tanah itu tidak boleh dimajukan. Sebab itu, kami sarankan supaya isu waris ini diselesaikan secara baik dan kerajaan akan bantu," katanya kepada pemberita selepas

menghadiri sesi penerangan tawaran terbaru kerajaan kepada pemilik dan pewaris berkenaan pembangunan semula Kampung Baru di Kelab Sultan Sulaiman di sini baru-baru ini.

Khalid berkata, pada masa ini kerajaan akan menunggu sehingga 30 November ini untuk mendapatkan maklum balas terbuka sebelum menggunakan pendekatan fokus kepada kelompok yang kecil dalam usaha mendapatkan persetujuan semua pemilik tanah Kampung Baru bagi tujuan pembangunan semula kawasan itu.

Beliau berkata, selepas sesi Town Hall yang pertama pada 21 September sehingga 25 November lalu, seramai 1,882 daripada 5,359 pemilik tanah berdaftar sudah mengisi dan menghantar borang maklum balas pelan pembangunan berkenaan.

"Seramai 1,773 pemilik sudah memberikan persetujuan untuk hartanah mereka dibangunkan semula oleh



DAIM (kanan) menyatakan sesuatu kepada Khalid pada sesi taklimat pembangunan Kampung Baru di Kelab Sultan Sulaiman baru-baru ini.

kerajaan dan 106 pemilik menolak.

"Baki 3,477 pemilik dan pewaris hartanah tersebut masih tidak memberikan maklum balas sama ada mahu membangunkan atau menolak," katanya.

Khalid berkata, jumlah pemilik tanah yang memberi maklum balas meningkat sejak pusingan pertama

selepas pengumuman rasmi dibuat pada 21 September hingga 7 Oktober lalu.

"Ketika pusingan kedua iaitu sehingga 25 November lalu, terdapat tambahan 511 borang maklum balas diterima menjadikan jumlah keseluruhan 1,882 borang," katanya.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah bekas

Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kampung Baru (PKB), Zulkarnain Hassan.

Terdahulu, ketika sesi taklimat itu, Khalid menyatakan, keluarga Daim turut mempunyai lot tanah di Kampung Baru dan beliau berjanji akan menyokong pelan pembangunan semula kawasan itu.

Pada 24 Oktober lalu, Khalid mengumumkan tawaran baharu kerajaan untuk menaikkan kadar harga belian tanah di Kampung Baru kepada RM1,000 sekaki persegi (skp) dengan RM850 skp dalam bentuk tunai dan baki RM150 skp berbentuk pegangan saham dalam Syarikat Tujuan Khas (SPV).

Diskaun 15 peratus turut ditawarkan kepada pemilik tanah yang memilih untuk memiliki hartanah termasuk rumah mampu milik yang bakal dibangunkan nanti.

Sentuhan magis Bee Ramza jadi pilihan

Oleh **AINI MAWAWI**
aini@wilayahku@gmail.com

MUNGKIN nama Robaeha Ramza kederagan agik asing namun jika disebut Bee Ramza pasti ramai yang mengenali jurusolek artis (MUA) ini. Bertubuh kecil molek, Bee sangat dikenali dalam kalangan artis dan selebriti tanah air.

Hasil sentuhan tangannya tidak pernah menghampakan malah sehingga kini, wanita kelahiran Kota Bharu, Kelantan ini telah menyolek ramai selebriti terkenal di Malaysia mahu pun luar negara.

Berkongsi pengalaman manis yang tidak dapat dilupakannya, wanita jelita ini teruja apabila berpengalaman menyolek penyanyi pujaan ramai yang tidak asing lagi iaitu Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Menyifatkan ia pengalaman yang amat berharga dalam kariernya, pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Biologi dari Universiti Sains Malaysia (USM) ini berkata, dia bersyukur kerana artis ternama tersebut memilih dirinya dalam ribuan

jurumekap yang ada.

"Ketika itu, saya dipanggil untuk menyoleknya bagi satu program hiburan televisyen dan selepas beberapa ketika, khidmat saya digunakan sekali lagi apabila dibawa ke Jakarta, Indonesia untuk konsert ulang tahun televisyen di sana," ujar wanita yang murah dengan senyuman ini.

Antara selebriti yang pernah mendapat sentuhan hasil kerjanya adalah penyanyi legenda negara seberang iaitu, Hetty Koes Endang, Janna Nick, Mira Filzah, Mawar Rashid, Lisa Surihani dan ramai lagi.

Mengorak langkah jauh ke hadapan, di samping meluaskan kerjaya sebagai MUA, Bee kini telah membuka sebuah studio, Ramza Studio di Alam Avenue, Seksyen 16, Shah Alam, Selangor.

Dalam masa yang sama, studio tersebut turut dibuka kepada pihak luar yang ingin mengadakan sesi penggambaran.

"Alhamdulillah, saya bersyukur atas rezeki yang dikurniakan. Penat lelah selama ini berbaloi kerana akhirnya ia

menampakkan hasil. Selain itu, saya juga menjalankan bisnis kanta lekup, @lavue.co bagi menaikkan lagi seri wajah mereka yang mengenakan solekan," ujarnya.

Bee juga dikira beruntung kerana barisan selebriti terkenal seperti Vie Shantie Khan, Nora Danish, Sweet Qismina dan ramai lagi turut menggunakan kanta lekup keluarannya yang dijual di ramza-mode.com.

Berkongsi pandangan tentang dunia solekan hari ini, Bee mengakui ketika dia mula berjinak-jinak dalam dunia solekan sekitar 2010, ketika itu, platform media sosial tidaklah sehebat hari ini yang mana semua ilmu solekan hanya dihubung jari.



BEE
RAMZA

Tingkat kesedaran cegah denggi dari bangku sekolah

Karnival Kitar Semula didik pelajar

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlan@wilayahku@gmail.com
Foto **FARIS AZMI (PPj)**

PUTRAJAYA – Usaha kumpulan pelajar Sekolah Menengah Sultan Alam Shah, Putrajaya di dalam pertandingan Lakonan Terbaik Sekolah Menengah sempena Karnival Kitar Semula dan COMBI Sekolah Putrajaya 2019 membuahkan hasil apabila menjuarai kategori itu.

Menurut guru pembimbing, Mohamed Shaik Firdaus Mohamed Shaik Jamaludin, 25, bersedia dan latihan dilakukan kira-kira satu bulan bersama-sama dengan 12 orang pelajar tingkatan dua.

"Skrif ini dihasilkan sendiri, oleh kerana saya merupakan graduan perubatan yang sedang menunggu untuk penempatan, maka saya mendapat idea untuk menghasilkan skrip yang memaparkan sisi penting apabila seseorang diserang demam denggi sedang menerima rawatan di hospital.

"Perkara utama dalam babak permulaan adalah seorang pesakit dalam keadaan tenat sedang menerima rawatan," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Kata Mohamed Shaik Firdaus, kebiasaannya apabila orang bercakap mengenai demam denggi, mereka hanya menyebut tentang kepentingan menjaga kebersihan dan alam sekitar sahaja.

"Sisi lain yang disentuh adalah mengenai tanda-tanda awal jangkitan penyakit itu seperti bintik merah, demam dan lemah sendi."

"Melalui skrip yang diolah, saya berharap ia akan memberi lebih kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit ini dan sentiasa menitikberatkan kebersihan alam sekitar," katanya.

Dalam karnival itu, sekolah tersebut memenangi hadiah wang tunai RM1,500 dan Sijil Penghargaan.

Terdahulu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Dr.



AMINUDDIN (empat dari kanan, belakang) bergambar bersama pelajar SM Sultan Alam Shah selepas majlis penyampaian hadiah sempena Karnival Kitar Semula dan COMBI Sekolah 2019 baru-baru ini.

Aminuddin Hasim berkata, sebanyak 729 kes demam denggi telah dicatatkan pada separuh penggal 2019.

"Peningkatan mendadak ini amat membimbangkan kerana jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2018 sebanyak 115 kes dicatatkan."

"Ekoran terdapat peningkatan yang mendadak, pihak PPj telah mengadakan program 'engagement' di surau-surau seluruh Putrajaya setiap ta-

hun," katanya dalam ucapan perasmian.

Hadir sama, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi Ahmad Termizi, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pejabat Kesihatan Putrajaya, Dr. Zainal Abidin Abu Bakar, Pengarah Pendidikan Putrajaya, Farizah Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd. Datuk Mohd Zain Hassan.

Tegasnya, pihaknya mengharapkan semua komuniti

melalui surau-surau, ketua-ketua penduduk dan anggota masyarakat yang lain untuk maklumkan kepada penduduk supaya mengekalkan kebersihan.

"Melalui program itu, secara tidak langsung ia akan dapat mengelakkan penyakit demam denggi daripada merebak."

"Dan seterusnya, kita dapat menurunkan kes yang melibatkan denggi ini pada masa depan," katanya.

Sementara itu, karnival yang berlangsung selama dua hari menggabungkan aktiviti kitar semula dan COMBI Sekolah dalam satu acara seperti pameran, taklimat, pertandingan lakonan dan penyampaian anugerah.

Sebanyak empat kategori Anugerah Kitar Semula Putrajaya 2019 yang dipertandingkan iaitu kategori sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK), kategori apartmen, kategori jabatan dan agensi kerajaan serta anugerah khas.